

Siasatan bomba sahkan tragedi kebakaran pusat tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah disengajakan

Simbah petrol di tingkat tiga

Oleh NUR AISHAH MOHD. AMIN

PUTRAJAYA - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mengesahkan bangunan tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Kuala Lumpur sengaja dibakar selepas siasatan mendapati suspek menyimbah cecair petrol pada rak tua, rak kasut dan dinding di hadapan pintu masuk asrama di tingkat tiga sebelum menyala-kan api.

Ketua Pengarah JBPM, Datuk Wan Mohd. Nor Ibrahim berkata, kebakaran tersebut kemudian merebak ke siling dan membakar pintu masuk dan seluruh bilik asrama.

Jelas beliau, api merebak dengan cepat kerana suspek bertindak melepaskan gas daripada dua buah silinder gas petroleum cecair (LPG) yang diletakkan di hadapan pintu bilik asrama itu.

Oleh kerana api marak dengan cepat dan bahang semakin meningkat, mangsa yang sedang tidur tidak dapat menyelamatkan diri.

"Pastikan penyiasatan kebakaran JBPM telah menemui bahan bukti dalam insiden tersebut iaitu dua buah silinder gas LPG berwarna hijau berbelang merah di hadapan pintu masuk bilik asrama. Sampel tersebut dianalisa oleh pegawai kimia di Makmal Penyiasatan Kebakaran Kuala Lumpur yang mendapati empat sampel berkenaan mengandungi cecair mudah menyala jenis petrol.

"Selain itu, Unit Pengesanan bomba telah mengesan dan mengambil sampel kesan kebakaran di hadapan pintu masuk bilik asrama. Sampel tersebut dianalisa oleh pegawai kimia di Makmal Penyiasatan Kebakaran Kuala Lumpur yang mendapati empat sampel berkenaan mengandungi cecair mudah menyala jenis petrol.



WAN MOHD. NOR mendedahkan hasil siasatan bomba mendapati suspek menyimbah petrol pada rak tua, rak kasut dan dinding asrama di aras tiga pusat tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah pada sidang akhbar di Putrajaya semalam.

"Sampel cecair itu pula ditemui pada rak tua, rak kasut dan dinding hadapan pintu masuk asrama itu," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat JBPM di sini semalam.

Selain itu, Wan Mohamad berkata, laporan penuh siasatan kes tersebut menyimpulkan bahawa kejadian kebakaran tersebut adalah perbuatan yang disengajakan.

Menurut Wan Mohd. Nor, ketika kejadian berlaku, pasukan bomba berjaya membawa keluar lima orang sekeluarga yang tinggal dalam bilik warden dengan menggunakan tangga belakang.

Selain itu, katanya, pihak bomba turut membuat pemadaman awal dengan menggunakan dua pancutan ke bilik asrama dan bilik warden.

Kejadian pada 14 September lalu telah mengejutkan negara apabila 21 orang pelajar dan dua orang guru pusat tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah dilaporkan terbunuh dalam kebakaran



KERATAN Kosmo! 15 September 2017

pukul 5.43 pagi.

Seramai 23 orang yang turut berada di dalam bangunan tersebut berjaya diselamatkan.

Insiden itu merupakan tragedi kebakaran kedua terbesar dalam sejarah kebakaran pusat tahfiz di negara ini.

Kejadian terbesar ialah pada tahun 1989 yang mengorbankan 27 orang pelajar Sekolah Agama Taufiqiah Khairiah Al-Halimah, Padang Lumat, Kedah.

Ujar beliau lagi, laporan penuh siasatan itu juga telah di-



TONG gas (dalam bulatan) yang dipercayai diangkat oleh suspek dari tingkat bawah ke tingkat tiga asrama untuk membakar pusat tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Kuala Lumpur minggu lalu.

INFO Pelan lantai kejadian kebakaran di tingkat 3 pusat tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah



serahkan kepada pihak polis kelmarin untuk tindakan lanjut.

Seramai 43 anggota dan 17 orang pegawai bomba terlibat

dalam operasi memadam dan menyelamatkan kebakaran yang berjaya dikawal sepenuhnya pada pukul 6.29 pagi.

Salah seorang suspek dibawa ke lokasi kejadian



SALAH seorang suspek (kiri) yang dipercayai terlibat dengan kes kebakaran pusat tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Kuala Lumpur dibawa anggota polis meninjau semula lokasi kejadian semalam.

KUALA LUMPUR - Seorang remaja yang dipercayai antara tujuh suspek kes kebakaran di pusat tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Jalan Keramat Hujung di sini dibawa meninjau ke lokasi kejadian semalam.

Suspek berusia 16 tahun itu diiringi sepasukan pegawai dan anggota polis.

Dia dilihat tiba di lokasi kejadian dengan menaiki sebuah van pada pukul 11.50 pagi.

Suspek yang berpakaian baju T berwarna hitam dan berseluar pendek dilihat dalam keadaan bergari serta memakai topeng muka.

Dia kemudiannya dibawa ke bahagian belakang pusat tahfiz itu kira-kira 10 minit sebelum dibawa

ke tingkat tiga yang menempatkan asrama pusat tahfiz tersebut.

Suspek dilihat meninggalkan lokasi kejadian dalam keadaan kepalanya ditutup dengan menaiki sebuah kenderaan Pajero berwarna kuning kira-kira pukul 12.54 tengah hari.

Polis juga dilihat memperketatkan kawalan keselamatan di kawasan sekitar untuk mengelakkan wajah suspek dirakamkan.

Sebelum itu, kira-kira 15 anggota polis dari Unit Forensik Bukit Aman tiba di pusat tahfiz tersebut pada pukul 9.45 pagi.

Difahamkan, kehadiran Unit Forensik tersebut adalah bagi menjalankan pengimejan tiga dimensi di pusat tahfiz terbabit.

Info Solat		22 SEPTEMBER 2017 1 MUHARAM 1439H					
	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK	
K. LUMPUR	5:47	7:02	1:09	4:14	7:11	8:20	
SHAH ALAM	5:47	7:02	1:09	4:14	7:11	8:20	
SEREMBAN	5:46	7:02	1:07	4:10	7:09	8:18	
MELAKA	5:45	7:01	1:06	4:09	7:09	8:17	
JOHOR BAHRU	5:39	6:55	1:00	4:02	7:02	8:17	
IPOH	5:50	7:03	1:11	4:18	7:14	8:23	
P. PINANG	5:52	7:06	1:14	4:21	7:16	8:25	
ALOR SETAR	5:52	7:06	1:13	4:22	7:16	8:25	
K. TERENGGANU	5:41	6:57	1:03	4:10	7:05	8:14	
KOTA BHARU	5:49	7:01	1:06	4:15	7:09	8:14	
KUANTAN	5:49	7:01	1:02	4:05	7:05	8:13	
KANGAR	5:52	7:08	1:14	4:23	7:16	8:25	
TAWAU	4:43	5:59	12:04	3:11	6:07	7:15	
KOTA KINABALU	4:49	6:05	12:11	3:19	6:13	7:22	
KUCHING	5:14	6:26	12:35	3:37	6:37	7:46	
MIRI	4:58	6:10	12:19	3:25	6:22	7:31	

Kawalan: www.seri.kem.gov.my